

Bil. S 99

**AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL
(PENGAL 147)**

PERINTAH TEMPAT TERKAWAL (BIL. 6), 2006

SUSUNAN PERENGKAN-PERENGKAN

Perenggan

1. Gelaran.
 2. Pengisytiharan tempat terkawal.
 3. Pihak berkuasa.
-

**AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL
(PENGGAJ 147)**

PERINTAH TEMPAT TERKAWAL (BIL. 6), 2006

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 5(1) dari Akta Kawasan Terkawal dan Tempat Terkawal, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Tempat Terkawal (Bil. 6), 2006.

Pengisytiharan tempat terkawal.

2. Tempat yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual kepada Perintah ini, yang diterangkan dengan lebih khusus dalam pelan yang dinyatakan dalam ruang kedua yang disimpan di dalam pejabat Juruukur Agung, adalah dengan ini diisytiharkan sebagai tempat terkawal bagi maksud-maksud Akta tersebut.

Pihak berkuasa.

3. Pihak berkuasa yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual kepada Perintah ini adalah pihak berkuasa yang akan memberikan kebenaran untuk memasuki tempat terkawal itu.

JADUAL

(perenggan 2)

Tempat	Bilangan Pelan	Pihak berkuasa
Biro Kawalan Narkotik (Cawangan Temburong) BWD 1, Daerah Temburong.	GT060001TE tarikh 19hb. Oktober, 2006.	Pengarah Biro Kawalan Narkotik.

Diperbuat pada hari ini 9 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1427 bersamaan dengan 30 haribulan Disember, 2006.

PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO PADUKA
HAJI AWANG ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA Khatib
DATO SERI SETIA HAJI AWANG MOHD. YUSOF,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.